A

Subramaniam lwn Raghbir Singh

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — USUL PEMULA NO 25-37-92
ABDUL HAMID H
15 JANUARI 1993

B

Acara Sivil *— Prosedur tuntutan kecil — Sama ada pemberipinjam wang boleh membawa tindakan melalui prosedur tuntutan kecil — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 45 & A 54*

Acara Sivil *— Bidang kuasa — Persoalan undang-undang — Tiada pertelingkahan*
C *fakta — Forum yang lebih sesuai*

Di dalam kes ini, pemohon memohon supaya suatu perintah larangan dikeluarkan terhadap mahkamah daripada meneruskan prosiding mengikut prosedur tuntutan kecil. Adalah dipersetujui bahawa
D penentang adalah seorang pemberipinjam wang. Soalan yang utama adalah sama ada seorang pemberipinjam wang boleh membawa tindakan melalui prosedur tuntutan kecil di bawah A 54 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('Kaedah itu'). Adalah juga dihujahkan bagi pihak penentang bahawa mahkamah tidak patut membuat perintah yang dipohon oleh pemohon kerana soalan yang
E dibangkitkan adalah soalan prosedur dan boleh dibangkitkan di perbicaraan kes itu.

Diputuskan, membenarkan permohonan itu:

(1) Aturan 45 Kaedah itu bukanlah satu aturan yang lengkap yang
F boleh berdiri dengan sendirinya. Ia perlu dipakai bersama-sama aturan lain yang diperuntukkan untuk kegunaan umum.

(2) Hak-hak yang diberikan kepada seorang defendan oleh A 45 tidak patut dinafikan kepadanya oleh seorang pemberipinjam wang yang memilih untuk membuat tindakannya di bawah A 54. Kedua-dua aturan tidak boleh dibaca bersama. Oleh itu, A 54 tidak boleh
G dipakai dalam tindakan oleh seorang pemberipinjam wang.

(3) Persoalan yang dibangkitkan adalah persoalan undang-undang. Kedua-dua pihak tidak dapat menghujahkan persoalan tersebut di mahkamah majistret kerana kedua-dua pihak tidak boleh diwakili oleh peguam. Oleh itu, Mahkamah Tinggi adalah forum yang lebih sesuai.

H

[English summary

In this case, the applicant applied for an order of prohibition to be issued against the magistrates' court from continuing the proceedings in a small claims procedure case. It is common ground that the
I respondent is a moneylender. The principle question is whether a moneylender may commence an action using the small claims procedure under O 54 of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the Rules'). It was also submitted on behalf of the respondent that the court

should not grant the order prayed for by the applicant as the question raised is a question of procedure and can be raised at the trial. A

Held, allowing the application:

(1) Order 45 of the Rules is not a complete order which can stand on its own. It is to be read with other orders which are of general application. B

(2) A defendant should not be denied the rights provided to him by O 45 by a moneylender choosing to commence an action under O 54. The two orders cannot be read together. Therefore, O 54 cannot be used in an action by a moneylender.

(3) The question raised is a question of law. The parties will not be able to argue this in the magistrates court as they cannot be represented by counsel. Therefore, the High Court is a more suitable forum.] C

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 45, A 54 D

M Thayalan (*Meena, Thayalan & Partners*) bagi pihak pemohon.
Darshan Singh (*Darshan Singh & Co*) bagi pihak penentang.

Abdul Hamid H: Melalui notis usul, pemohon memohon perintah larangan E melarang Mahkamah Majistret di George Town Pulau Pinang daripada menuruskan prosiding dalam Kes No 77–24–92 mengikut prosedur tuntutan kecil.

Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa plaintiff dalam kes itu adalah seorang pemberipinjaman wang dan bahawa tindakan dibuat mengikut prosedur tuntutan kecil di bawah A 54 Kaedah-Kaedah Mahkamah F Rendah 1980 ('Kaedah itu').

Soal utama dalam kes ini ialah sama ada seorang pemberipinjaman wang boleh membuat tindakan melalui A 54.

Kaedah itu berkuatkuasa pada 1 April 1981 (PU(B) 106/1981). Ia mengandungi peruntukan umum mengenai prosedur memulakan tindakan, G pliding dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan yang khusus mengenai tindakan di bawah undang-undang tertentu seperti di bawah Akta Penghutang 1957 (A 37), Akta Distres 1951 (A 38), Akta Kerja 1955 (A 39), permohonan untuk probet atau surat kuasa mentadbir (A 41), prosiding oleh dan terhadap kerajaan (A 42), tindakan kerana fitnah (A 44), tindakan pemberipinjaman wang (A 45) dan prosiding yang ber- H bangkit daripada perjanjian sewa-beli (A 46).

Mengikut sekim kaedah itu, peruntukan-peruntukan umum mengenai cara memulakan tindakan, pliding dan lain-lain, semuanya terpakai bagi semua tindakan. Tetapi, di mana terdapat peruntukan-peruntukan yang khusus mengenai sesuatu tindakan tertentu yang diperuntukkan dalam I aturan-aturan khusus itu, peruntukan-peruntukan tertentu itu mestilah dipakai, yang bererti bahawa prosedur umum itu, di mana perlu, mestilah diubahsuai atau ditokok-tambah. Tidak ada masalah selama ini.

A Kemudian, mulai 1 Januari 1991, prosedur tuntutan kecil (A 54) dikuat-kuasakan (PU(A) 460/1990). Secara umum, aturan ini memperuntukkan prosedur bagi tuntutan-tuntutan mendapatkan kembali hutang atau tuntutan jumlah tertentu berupa wang yang tidak melebihi RM5,000 di mana plaintif adalah seorang individu. Secara ringkas, bolehlah dikatakan bahawa prosedur yang diperuntukkan di bawah A 54 itu lebih mudah dan ringkas. Tuntutan, pembelaan dan tuntutan balas dibuat dengan menggunakan borang-borang yang disediakan.

Tidak dipertikaikan bahawa plaintif dalam kes ini adalah seorang individu, bahawa tuntutannya, adalah untuk mendapatkan kembali hutang dan jumlah yang dituntut tidak melebihi RM5,000. Juga tidak dinafikan bahawa plaintif adalah seorang pemberipinjam wang.

Jadi, soalnya, bolehkah seorang pemberipinjam wang membuat tuntutan mengikut A 54, jika syarat-syarat yang diperuntukkan oleh k 2 itu dipenuhi?

Perlu diambil perhatian di sini bahawa aturan-aturan mengenai saman (A 5) dan pliding (A 14) adalah peruntukan umum yang terpakai dalam semua tindakan. Tetapi, bagi tindakan oleh pemberipinjam wang, terdapat satu aturan yang khusus, iaitu A 45. Aturan 45 bukanlah satu aturan yang lengkap yang boleh berdiri dengan sendirinya. Ia perlu dipakai bersama-sama aturan-aturan lain yang diperuntukkan untuk kegunaan umum. Sebagai misalan, A 45 k 2 menghendaki sebelum *saman* yang memulakan tindakan pemberipinjam wang dikeluarkan, ia mestilah diendorskan dengan suatu pernyataan. Ini menunjukkan bahawa saman di bawah A 5 hendaklah digunakan.

Aturan 45 k 3 pula menghendaki beberapa perkara dinyatakan dalam *pernyataan tuntutan*. Pernyataan tuntutan diperuntukkan dalam A 14.

Kedua-dua perkara yang saya sebutkan ini pun sudah nyata menunjukkan bahawa tindakan oleh pemberipinjam wang adalah dikehendaki dibuat melalui saman dan pernyataan tuntutan, bukan melalui Borang 164 yang amat ringkas itu. Daripada bentuknya pun Borang 164 itu bukanlah sesuai untuk memuatkan semua nyataan yang dikehendaki dimasukkan oleh A 45 k 3 itu.

Selain daripada itu, A 45 k 3(1) memperuntukkan bahawa dalam sesuatu tindakan pemberipinjam wang, penghakiman ingkar tidak boleh dicatatkan kecuali dengan kebenaran mahkamah. Kaedah 5(2) seterusnya menyatakan bahawa sesuatu permohonan minta diberikan kebenaran itu mestilah dibuat melalui notis dan notis itu mestilah disampaikan kepada defendan. Mengikut prosedur aturan kecil, mahkamah boleh terus memberi penghakiman ingkar jika defendan tidak memfailkan pembelaannya atau tidak hadir pada tarikh pendengaran — lihat A 54 k 8. Tiada permohonan yang mesti disampaikan kepada defendan perlu dibuat. Kaedah 8 itu nyata bercanggah dengan peruntukan A 45 k 5. Saya tidak fikir hak yang diberikan kepada defendan oleh A 45 itu patut dinafikan kepadanya oleh seorang pemberipinjam wang yang memilih membuat tindakannya di bawah A 54. Juga saya tidak fikir kedua-dua peruntukan itu boleh dibaca bersama.

Seterusnya, A 45 k 5(3) memperuntukkan bahawa semasa mendengar permohonan minta kebenaran untuk mencatatkan penghakiman ingkar, sama ada defendan hadir atau tidak, mahkamah boleh menggunakan

kuasanya di bawah s 21(2) Akta Pemberipinjam Wang 1951 untuk membuka semula transaksi dan mengambil akuan antara pemberipinjam wang (plaintif) dan defendan. Tidak ada peruntukan seperti itu dalam A 54.

Ini bererti bahawa jika A 54 dipakai bagi tindakan oleh seorang pemberipinjam wang, akibatnya ialah bahawa defendan akan dinafikan hak-hak yang diberikan kepadanya oleh A 45.

Atas alasan-alasan yang saya telah sebutkan di atas saya berpendapat bahawa A 54 tidak boleh dipakai dalam tindakan oleh seorang pemberipinjam wang.

Soal seterusnya ialah sama ada mahkamah ini patut membuat perintah yang dipohon melalui notis usul ini. Peguambela defendan menghujahkan bahawa persoalan yang dibangkitkan hanyalah soal prosedur, bukan bidangkuasa dan soal itu boleh dibangkitkan dalam perbicaraan kes itu.

Saya tidak bersetuju dengan hujah itu. Persoalan yang dibangkitkan ini adalah semata-mata persoalan undang-undang, tidak ada apa-apa pertelingkahan fakta yang terdapat dalam kes ini. Bagaimanakah kedua-dua pihak akan menghujah persoalan ini di mahkamah majistret memandangkan bahawa kedua-dua pihak tidak boleh diwakili oleh peguam dalam tuntutan kecil? Oleh itu mahkamah ini adalah forum yang lebih sesuai. Lagi pula persoalan ini melibatkan tuntutan-tuntutan yang serupa di semua mahkamah majistret di negara ini. Eloklah ia diputuskan segera.

Permohonan ini diluluskan dengan kos.

Meluluskan permohonan itu.

Dilaporkan oleh ALG Teh